



# ETNIK RUNGUS

## ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN



Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah



# Sinopsis

Etnik Rungus atau juga dikenali sebagai 'Momogun Rungus' atau 'Momogun' merupakan salah satu daripada etnik Bumiputera dari kumpulan Anak Negeri Sabah. Terdapat banyak andaian yang dikaitkan dengan asal usul etnik Rungus di Negeri Sabah atau dahulunya dikenali sebagai Borneo Utara. Menurut mitos dan legenda **Nunuk Ragang**, etnik Rungus dikatakan berasal dari **Nunuk Ragang** iaitu suatu tempat yang terletak di Daerah Ranau, Sabah. Terdapat juga beberapa teori yang lain iaitu teori penghijrahan dari Tanah Besar China, etnik Dayak dari Kalimantan dan Kepulauan **Luzon** di Filipina. Berdasarkan kajian etnologi yang dijalankan oleh Arena Wati (1978:9, dalam Jeubirin Bin Sopital, 2000:47), beliau menyatakan ciri-ciri fizikal orang Rungus iaitu kulit berwarna kuning langsung, bertubuh kecil dan agak pendek seperti orang Cina sehingga beliau mengandaikan bahawa orang Rungus termasuk dalam rumpun **Monggol**. Menurut Inggul Pulok (1991), bilangan sebenar penduduk berketurunan Momogun Rungus di Negeri Sabah tidak dapat dipastikan dengan tepat kerana tiada banci khusus bagi penduduk **Momogun Rungus** oleh Jabatan Perangkaan. Perkara tersebut berlaku kerana **Momogun Rungus** dikategorikan dalam etnik Kadazandusun. Keunikan yang terdapat dalam amalan budaya etnik Rungus adalah dari segi adat perkahwinan yang kaya dengan pelbagai adat dan peraturan yang diwarisi dari nenek moyang mereka.



*Pakaian tradisional etnik Rungus di Kampung Tangkarason,  
Beluran .*





# Pengenalan

Perkahwinan merupakan salah satu perkara dalam kehidupan yang perlu diatur dan dijalankan dengan penuh adat resam. Hal ini dilakukan bagi memastikan perkahwinan dapat diterima dalam kalangan etnik Rungus. Perkahwinan yang penuh tertib dan upacara amat penting dalam budaya etnik Rungus. Amalan-amalan dan upacara yang terlibat seperti proses pertunangan, **Otong totuo**, **Lumoput**, hukum **Baboh**, hukum adat **Rolot**, **Rungkang**, adat bersalin dan proses pertunangan akan diterangkan dalam bab ini.



# *Adat Perkahwinan Dalam Etnik Rungus*

Kaum pemuda dalam kalangan etnik Rungus tidak mencari bakal isteri mereka sendiri tetapi ditentukan oleh ibu bapa mereka. Ibu bapa akan mencari pasangan bagi anak lelaki mereka apabila sudah dewasa dan boleh memikul tanggungjawab untuk mendirikan rumah tangga. Biasanya apabila ibu bapa si lelaki bertemu gadis yang berkenan di hati, mereka akan pergi ke rumah ibu bapa si gadis untuk merisik sama ada si gadis telah berpunya atau belum.



*Upacara Ontong Totuo dalam kalangan etnik Rungus di Negeri  
Sabah.*



# Proses Pertunangan dan Perkahwinan

Sekiranya didapati si gadis itu belum dimiliki, maka ibu bapa si lelaki akan bertanya dengan orang atau keluarga terdekat si gadis tentang sikap-sikap si gadis tersebut sama ada si gadis yang dirisik itu seorang yang rajin, baik hati dan sebagainya. Begitu juga sebaliknya bagi keluarga si gadis.

Setelah kedua-dua belah pihak sudah sepakat, maka ibu bapa si lelaki menetapkan hari menghantar 'tanda tunang' atau hari pertunangan. Pada kebiasaannya, perbincangan mengenai berian, hukuman adat dan perbelanjaan kahwin akan dibuat selepas seminggu atau sebulan penghantaran tanda tunang. Walau bagaimanapun, kadang kala semasa hari penghantaran tanda tunang, berian, hukuman adat dan perbelanjaan juga dibincangkan. Kesemua ketetapan dalam perbincangan perlu patuhi terutama perbelanjaan kahwin yang akan dihantar seminggu sebelum perkahwinan. Semua perbincangan di antara pihak lelaki dan pihak perempuan ini akan disaksikan oleh Ketua Kampung dan beberapa orang ahli keluarga daripada kedua-dua belah pihak.

Barang-barang yang dijadikan tanda tunang adalah tidak terhad iaitu antaranya ialah buah pinang, daun sirih, daun kirai, kapur, sigup (tembakau) dan lain-lain barang yang difikirkan perlu untuk si gadis.



*Komposisi barang-barang yang boleh dijadikan berian semasa meminang gadis Rungus.*



Kesemua tanda tunang tersebut dihantar oleh bapa si lelaki, si lelaki sendiri dan beberapa orang sebagai pengiring. Kebiasaannya, apabila rombongan pihak lelaki tiba di rumah keluarga si perempuan, si lelaki akan mengambil seberapa banyak kayu api yang terdaya dan disimpan ke para-para rumah keluarga si perempuan. Perlakuan tersebut menandakan bahawa si lelaki itu mahu menjadi ahli keluarga mereka. Tali pengikat kayu api tersebut akan disimpan sebagai petanda saiz tempayan yang akan diberikan kepada bapa si perempuan. Adat ini dinamakan sebagai adat **Loput** atau **Buka Mulut**.

Upacara penghantaran tanda tunang dijalankan pada hari yang baik contohnya pada hari tontong atau bulan purnama. Sekiranya berlaku peristiwa ganjil semasa dalam perjalanan ke rumah keluarga si perempuan contohnya bertemu binatang seperti rusa, burung-burung ganjil dan sebagainya pada hari penghantaran tanda tunang, maka upacara penghantaran tanda tunang dibatalkan dan ditunda ke hari lain.

Dalam hal-hal berkenaan berian dan belanja kahwin, ibu bapa si lelaki akan menggunakan Bantaran atau seorang wakil untuk berbincang dengan keluarga perempuan. Tugas **Bantaran** ialah sebagai pembawa adat **Loput** (pembuka bicara atau pembuka mulut). **Bantaran** perlu membawa sebuah **panding** (sejenis tempayan) sebesar satu depa dalam sukatan tutuban, satu **sansang sakudon** atau sebuah gong dan satu pasang **languwai** atau **sumbul**. Wakil tersebut kemudiannya menyampaikan segala keputusan keluarga pihak perempuan kepada ibu bapa si lelaki.

Bagi perempuan yang hendak dikahwininya pula akan diberi sebuah **languwai** bersaiz sederhana besar dan sebuah **tawag**. Ibu bapa perempuan pula akan diberikan dua buah **tawag** atau **sanang**. Jika si lelaki berkemampuan, kesemua adik-beradik perempuan bakal isterinya juga diberikan sebuah gadur setiap seorang sebagai adat pewarisan.

Setelah selesai adat **Loput**, mereka akan berunding mengenai hal-hal berian, belanja kahwin dan hantaran pihak lelaki mengikut permintaan pihak perempuan. Sekiranya si lelaki bersetuju dengan semua permintaan tersebut, maka tarikh hari perkahwinan akan ditetapkan. Sebaliknya jika sekiranya persepakatan tidak dapat dicapai oleh kedua-dua pihak maka keputusan meneruskan perkahwinan atau sebaliknya terletak kepada budi bicara kedua-dua pihak.

Apabila tiba masa perkahwinan yang telah ditetapkan, si lelaki dikehendaki membawa sebilah bujak, keris atau pedang dan **paes** (pisau) yang diikat dengan sapu tangan dan juga gelang. Setelah semuanya sudah lengkap, barulah si lelaki berangkat ke rumah bakal isterinya. Apabila tiba di rumah keluarga perempuan, si lelaki hendaklah menyerahkan semua barang yang disediakan tersebut kepada ibu bapa si perempuan. Sesudah itu, si lelaki boleh duduk di tempat persandingannya sementara menanti pengantin perempuan keluar untuk bersanding. Pengantin lelaki dan perempuan mestilah membawa seorang pengapit yang dipanggil **magat**.

Sesudah selesai upacara perkahwinan dijalankan, Ketua Kampung akan membuat surat peringatan perkahwinan untuk didaftarkan di Mahkamah Anak Negeri bagi mendapatkan Surat Keterangan Berian. Dalam surat peringatan ini, lapik banda diberi kepada kedua-dua suami isteri, iaitu sekiranya si suami tidak menjaga isterinya dengan baik, tidak menghormati ibu bapa mertua dan hal-hal lain yang tidak wajar dilakukan oleh seorang suami kepada isterinya, maka isteri berhak menceraikan suaminya tanpa mengembalikan kesemua berian dan perbelanjaan kahwin. Sekiranya si isteri pula tidak menurut nasihat dan kata-kata suami, curang atau lari dari rumah maka beliau akan didenda sebuah **tawag** atau **sanang** dan berian akan dikembalikan kepada suaminya. Tujuan lapik banda adalah untuk mengelakkan pasangan suami isteri daripada bercerai di kemudian hari.



# Kaedah Pelaksanaan Upacara Perkahwinan Dalam Kalangan Etnik Rungus

Terdapat tiga kaedah melangsungkan upacara perkahwinan dalam kalangan etnik Rungus iaitu:

1. **Ontong Totuo** iaitu satu upacara perkahwinan penuh istiadat iaitu pengantin memakai pakaian tradisi Rungus dan dijalankan secara besar-besaran. Perkahwinan tersebut biasanya dibuat oleh keluarga yang berkemampuan;
2. **Ontong Kobasan** iaitu upacara perkahwinan sederhana dan dikatakan berpakaian tradisional yang kurang lengkap serta selalunya diraikan oleh mereka yang kurang berkemampuan; atau
3. **Ontong Moden Om Laid** iaitu cara perkahwinan tradisional yang telah dimodernkan agar bersesuaian dengan gaya hidup dan cita rasa moden. Walau bagaimanapun, adat-istiadat perkahwinan etnik Rungus masih digunakan sepenuhnya dalam perkahwinan ini.

Sejak kebelakangan ini, ramai pengantin Rungus cenderung untuk memilih cara perkahwinan moden memandangkan ia lebih mudah diuruskan berbanding dengan cara tradisional.



*Komposisi barang-barang yang boleh dijadikan berian semasa meminang gadis Rungus.*



# Adat Lumoput

Adat Lumoput merupakan acara kemuncak majlis perkahwinan iaitu upacara penerimaan menantu yang dilakukan oleh kedua-dua belah pihak ibu bapa pengantin. Pengantin akan memberikan buah tangan kepada ibu bapa mertua sambil menyebut **Ivan** atau ibu atau bapa mertua. Ibu bapa mertua berkenaan akan menerima buah tangan tersebut sambil berterima kasih dengan memberi nama panggilan khusus kepada anak menantunya seperti **Usau**, **Kondu**, **Osong** dan sebagainya. Gelaran tersebut menandakan penerimaan dan pengesahan bahawa pengantin tersebut adalah sebahagian daripada anak-anak dalam keluarga mereka.

Pada zaman dahulu, hadiah yang diberikan oleh pengantin kepada ibu bapa mertua dan keluarga mertua ialah sirih dan kapur. Hadiah yang diberikan adalah sesuai dengan budaya makan sirih dalam kalangan etnik Rungus pada ketika itu. Walau bagaimanapun, pada masa ini hadiah sirih dan kapur telah ditukar kepada barang-barang lain sama ada makanan atau wang. Upacara memberikan hadiah merupakan satu tanda kerendahan hati si pemberi dan keterbukaan penerimaan daripada pihak yang menerima.

Konsep 'mertua' dalam konteks ini tidak terhad kepada ibu bapa pengantin sahaja tetapi lebih luas seperti datuk nenek dan adik beradiknya serta adik beradik kepada ibu bapa serta sepupu-sepupu mereka. Pada zaman dahulu, pelaksanaan upacara Lumoput dibuat dengan cara semua 'mertua' duduk bersila di atas lantai dan pengantin akan pergi bersalaman dengan semua mertua. Mereka akan memberikan hadiah dan ucapan "**Nah Ivan**" (terimalah ini mertua ku). Pihak mertua akan menyambut dengan mengatakan "**kounsikou, Kondu/Usau/Osong...**" (terima kasih, **Kondu/Usau/Osong...** ). Setelah upacara adat Lumoput selesai dijalankan, maka dengan itu sahlah kedua-dua pengantin tersebut menjadi anak mereka.



*Pengantin lelaki sedang memberikan hadiah kepada mertua mereka dalam Upacara Lumoput yang diadakan pada tahun 1992 .*



# Hukum Adat Baboh

Baboh merupakan suatu perkahwinan yang dilarang kerana mempunyai hubungan persaudaraan yang sangat dekat. Perkahwinan Baboh amat jarang berlaku dalam kalangan etnik Rungus. Contohnya si A mempunyai dua orang anak gadis dan disukai oleh dua orang lelaki (anak-beranak iaitu bapa dan anak). Sekiranya si bapa berkahwin dengan si kakak, manakala si anak pula berkahwin dengan si adik, maka dalam kes ini hubungan persaudaraan dikatakan rumit untuk dihuraikan kerana si bapa akan dipanggil sebagai menantu dan begitu juga dengan si anak yang juga akan dipanggil menantu.

Demikian juga halnya jika sekiranya seorang wanita berstatus janda berkahwin dengan seorang lelaki (sama ada duda atau tidak) yang mempunyai seorang anak lelaki. Wanita tersebut mempunyai seorang sepupu pertama perempuan dan berkahwin dengan anak lelaki suami barunya. Kes ini juga turut dinamakan baboh.

Baboh sepatutnya tidak boleh dilakukan tetapi sekiranya keadaan sudah terpaksa, maka adat Baboh hendaklah dikenakan kepada pasangan yang berkahwin. Hukuman adat bagi adat baboh adalah seperti berikut:

1. Dua buah sanang kimanis dan dua ekor babi yang besar untuk 'kepanasan' dan dibayar kepada bapa pengantin berkenaan;
2. Si bapa perlu membayar kepada si anak seekor babi, sebuah tawag binubuk dan kedua-dua pihak (waris) mesti diberikan sebuah gadul setiap seorang;
3. Kesemua waris terdekat kedua-dua belah pihak mesti dikenakan bayaran adat Purondom Kaval Tiningkal dan sebilah parang sebagai adat Pukodou;
4. Berian mesti dibayar mengikut peraturan dan persetujuan kedua-dua belah pihak. Adat Rinding mesti dilakukan sebagai perisai 'kepanasan';
5. Seekor babi dan sebuah sanang betukul besar sebagai pusukud untuk adat kepanasan mereka; dan
6. Bayaran adat untuk Ketua Kampung yang membicarakan hal perkahwinan ini turut disediakan sebelum upacara perbincaran bermula.





## *Hukum Adat Bagi Wanita yang Bersalin di Rumah Orang Lain*

Adalah menjadi pantang bagi etnik Rungus jika seorang wanita bersalin di rumah orang lain samada secara sengaja atau tidak sengaja. Menurut adat istiadat etnik Rungus, bersalin di rumah orang lain adalah tidak baik kerana wanita tersebut akan mengeluarkan darah yang banyak. Hal ini dikatakan **Kariva** atau **Karintad do paganakan** di **sanganu do valai** yang akan memberi alamat tidak baik kepada zuriat seisi rumah.

Wanita berkenaan akan dikenakan adat **Katingaladan** iaitu seekor ayam jantan untuk **Sogit Kogikalan** (berteduh) kepada tuan rumah sekiranya bayi yang dilahirkan tersebut selamat dan hidup. Sekiranya bayi tersebut mati, perempuan berkenaan haruslah membayar adat **Karivaan** iaitu sebuah **tawag**, seekor babi atau kambing dan sebilah parang sebagai pulanut **pukadou**. Kesemua barang-barang tersebut haruslah dibayar pada hari tersebut juga kerana tidak boleh melanggar adat.



## *Hukum Adat Perempuan Mengandung tanpa Suami yang Bersalin di Rumah Orang Lain.*

Hukuman bagi kes ini agak berat sedikit kerana individu terlibat akan dikenakan **sogit** kepanasan. **Sogit** kepanasan ini dikenakan kerana anak yang dilahirkan itu adalah hasil daripada perzinaan. Maka dengan itu 'kepanasan' tersebut harus disejukkan dengan **Sogit** untuk menolak bala penyakit dan membuang sial.

Adat yang dikenakan ialah denda seekor babi besar untuk **sogit**, sebuah sanang betukul untuk pulanut dan sebilah parang untuk peralatan yang kesemuanya diberikan kepada tuan rumah.

Sebagai **sukud** (perlindungan nyawa) kepada Ketua Kampung yang membicarakan hal ini maka perempuan tersebut hendaklah memberikan sebuah **gadur** dan seekor ayam.





# *Hukum Adat Rolot*

Hukum Adat **Rolot** dikenakan kepada suami yang memadukan isterinya sama ada mendapat persetujuan atau tidak daripada isteri pertamanya. Adat **Rolot** yang dikenakan ialah sebuah **tawag** untuk rolot dan seekor kambing atau babi sebagai **pulanut** (kepanasan). Isteri baru pula dikehendaki membayar sebuah **languwai** kepada isteri pertama sebagai adat bermadu.



# Hukum Adat Rungkuang

Kesalahan yang dikenakan adat **Rungkuang** ialah apabila seorang suami atau isteri yang sedang sakit ditinggalkan oleh pasangannya dan kemudian beliau meninggal dunia sedangkan si suami atau si isteri pula telah berkahwin dengan orang lain. Maka si suami atau si isteri yang melakukan kesalahan tersebut akan didenda seekor kerbau, sebuah **tawag binubuk** dan seekor babi.

Sebagai kesimpulan, adat istiadat perkahwinan masih lagi dipraktikkan dalam kalangan etnik Rungus, walaupun cara menjalankan upacara perkahwinan telah banyak berubah mengikut gaya hidup dan cita rasa masyarakat pada kini. Dalam bab ini dihuraikan proses adat istiadat perkahwinan etnik Rungus dan adat istiadat yang berkaitan dengan perkahwinan.